e-Buletin Koperasi

SINOPSIS

Bil.1/2024 (Negeri)

SURUHANJAYA KOPERASI Malaysia

KOPERAK

CATAT PEROLEHAN RM28 JUTA

Koperasi Perbadanan Perak Berhad (KOPERAK) cemerlang mengorak langkah dengan jayanya apabila perkhidmatan dua buah stesen minyak milik koperasi berjaya melonjakkan pendapatan koperasi sehingga RM 28 juta sekaligus memberikan pulangan dan manfaat kepada anggotanya.

www.skm.gov.my

DITERBITKAN OLEH
BAHAGIAN PROMOSI DAN PENGGALAKAN KOPERASI
SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

KOPERAK
CATAT PEROLEHAN RM28 JUTA

Oleh: MUHAMMAD AKMAL BIN IBRAHIM

Bermula dengan konsep perniagaan berteraskan urusniaga kredit, koperasi tidak mampu untuk menjana pendapatan yang lumayan kepada anggotanya sekiranya masih kekal dengan aktiviti sedia ada. Dalam persaingan ekonomi yang kompetitif, usaha yang berfokus kepada pembiayaan kredit sudah hampir pegun, kejatuhan urusniaga kredit agak mendadak dalam kalangan anggota koperasi.

Alang-alang menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan. Hasil daripada perbincangan Anggota Lembaga Koperasi, koperasi sepakat untuk menceburi bidang penjualan bahan api/petroleum/ diesel serta pengurusan kedai runcit serbaneka sebagai salah satu daripada pendapatan diversiti Koperasi.

Bagai air mencari jenisnya, kegigihan untuk mencari ilmu dengan tidak berhenti-henti dan usaha dengan tidak mengenal jerih payah membuahkan hasil apabila stesen minyak Petronas pertama milik koperasi di bandar Meru Raya, Ipoh memulakan operasi pada tahun 2011 dan berjaya melonjakkan pendapatan koperasi sehingga 300%.

Pengalaman Anggota Lembaga Koperasi serta staf pengurusan membuatkan anggota koperasi yakin untuk memberi mandat kepada pihak pengurusan bagi membuka sebuah lagi stesen minyak yang baharu. Dengan mandat itu, berbekalkan pembiayaan Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya Koperasi Malaysia berjumlah RM6.4 juta, koperasi sekali lagi mengorak langkah dengan pembukaan stesen minyak petronas yang kedua milik koperasi di Lebuh Meru Raya, Ipoh seterusnya berjaya mencatatkan perolehan koperasi sehingga RM28 juta.

KOPERAK terus digelar sebagai koperasi penanda aras perkhidmatan stesen minyak negeri Perak apabila stesen minyak Petronas Koperasi yang kedua (2) telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Puan Salbiah Binti Mohamed, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Usahawan Dan Koperasi Negeri Perak pada 11 Jun 2023 yang lepas.

Kejayaan demi kejayaan terus dikecapi KOPERAK apabila berjaya disenaraikan di dalam Profil 100 Koperasi Terbaik Malaysia bagi 3 tahun kebelakangan ini sekaligus melonjakkan imej KOPERAK ke arah koperasi yang progressif dan merupakan pencabar kepada koperasi-koperasi besar yang lain.

Kesimpulannya, KOPERAK mampu bertahan dan meneruskan aktiviti seperti sedia ada walaupun terkesan dengan penularan pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia. KOPERAK dilihat dapat bertapak dengan kukuh dan mampu bergerak jauh seiring dengan koperasi berjaya yang lain.